

Arqam boleh daftar jadi badan politik

Me 31 JUL 1974

Oleh
ZULKIFLEE BAKAR
dan **SHEAH WEN YANN**

KUALA LUMPUR 30 Julai — Kerajaan akan membenarkan Al Arqam didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan politik dan bertanding di dalam pilihanraya dengan syarat mereka tidak menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan Islam, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sama sekali tidak akan menghalang langkah Darul Arqam itu jika mereka benar-benar ingin berbuat demikian.

"Saya tidak jemput dia (Al Arqam)... tetapi kalau dia ingin bertanding da-

lam pilihanraya dia boleh bertanding secara sempurna tetapi jangan cuba menyebarkan ajaran salah di negara ini kerana ia amat merbahaya.

"Kalau dia (Ashaari Muhamad) berhasrat mahu menjadi PM dia boleh bertanding dalam pilihanraya....," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Ke-23 Parti Gerakan di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak pernah mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang menjalankan kegiatan dakwah.

"Kita juga tidak mengambil tindakan terhadap

Arqam sebelum ini tetapi sekarang pemimpinnya (Ashaari Muhamad) menganggap dia mempunyai sifat Tuhan..ini tidak boleh dibiarkan," katanya.

Pungutan

Mengenai kenyataan Ashaari yang mencadangkan supaya pungutan suara diadakan bagi menentukan siapa lebih popular, beliau berkata "kita tidak mempunyai peruntukan yang membolehkan pungutan suara diadakan di negara ini hanya kerana seorang itu merasakan dirinya layak menjadi Perdana Menteri."

Dr. Mahathir juga menegaskan, kerajaan tidak pernah merasa takut dengan Al Arqam.

"Mereka mengajar perkara yang salah mengenai Islam... kita tidak takut dengan mereka tetapi dalam negara ini kami tidak membenarkan ajaran salah tetapi orang ini (Ashaari) mendakwa dia telah bercakap dengan nabi secara sedar malah mendakwa nabi datang berjumpa dengannya secara peribadi dan memanggilnya tuan," katanya.

Oleh itu, katanya, tindakan pemimpin Al Arqam itu adalah tidak betul dan menyeleweng.

"Kita benarkan mereka meneruskan kegiatannya kerana pada awalnya mereka tidak dipersoalkan... tetapi bila dia (Ashaari) menjadi begitu yakin dia

boleh mempengaruhi pengikutnya, dia mula menganggap dirinya adalah 'penyelamat' (umat akhir zaman) dan kita tidak percaya bahawa dia adalah penyelamat," katanya.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan perlu menerangkan kepada rakyat kenapa kerajaan bertindak ke atas pertubuhan itu dan menjauhkan rakyat daripadanya.

"Tetapi jika mereka melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang... kerajaan akan mengambil tindakan," kata Dr. Mahathir.